

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000**

SEPTEMBER 1999

RPK 334 – Perancangan Lalulintas

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. (a) Huraikan sekurang-kurangnya 10 masalah lalulintas yang sering dihadapi di bandar tempat anda tinggal.
(15 markah)

(b) Sila bincangkan dengan terperinci maksud perjalanan dan bagaimanakah ia dapat membantu jururancang lalulintas dalam mengendalikan kerja-kerja perancangan.
(10 markah)

2. (a) Apakah tujuan bancian lalu lintas dijalankan?
(10 markah)

(b) Berdasarkan gambar rajah, rekabentukkan borang soalselidik dan huraikan bagaimanakah bancian isipadu lalulintas di persimpangan ‘T’ atau simpang tiga, dapat dikendalikan.
(15 markah)

3. (a) Penyediaan ruang tempat letak kereta di sesebuah bandar adalah sangat penting. Bincangkan kepentingan penyediaan ruang tempat letak kereta kepada semua pihak yang terlibat secara langsung kepada kemudahan tersebut.

(10 markah)

(b) Anda adalah seorang jururancang lalulintas yang ditugaskan untuk menyelesaikan masalah tempat letak kereta di bandar Alor Setar. Bincangkan cara pengendalian kajian tempat letak kereta di kawasan tersebut dari mula hingga ke penyediaan laporan.

(15 markah)

4. (b) Apakah yang anda faham dengan istilah-istilah di bawah ini?

- (i) Kemalangan jalan raya di Malaysia
- (ii) Sistem pengangkutan awam moden
- (iii) Kemudahan Sistem Lebuhraya
- (iv) Bancian Asal - Destinasi
- (v) Sistem pejalan kaki

(25 markah)

5. (a) Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan teknik pengurusan lalulintas dan senaraikan 5 jenis teknik pengurusan lalulintas yang sering dilaksanakan.

(10 markah)

(b) Dapatkah teknik pengurusan lalulintas menyelesaikan masalah lalulintas di Pusat Bandar Georgetown?

(15 markah)

oooOooo